

18 DEC 2017

BERNAMA > BERITA

Politeknik Diminta Beri Penekanan Pelajar Sertai Kokurikulum

Tarikh kemaskini: 18/09/2017

SHAH ALAM, 18 Sept (Bernama) -- Semua politeknik di negara ini perlu memberi penekanan terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum bagi mengasah kemahiran generik mereka, kata Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abdul Aziz.

Katanya pendekatan itu mampu menjadi pelengkap dalam pembangunan jasmani, emosi serta rohani para pelajar.

"Aktiviti kokurikulum yang dianjurkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) merupakan kaedah yang berkesan dalam mengasah kemahiran generik dalam kalangan pelajar."

"Sebab itu kita mahu pihak politeknik memberi penekanan kepada semua pelajar supaya mereka terus aktif dalam aktiviti kokurikulum atau program yang telah diatur," katanya ketika menutup Pertandingan Poly's Voice 2017 anjuran JPP di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Mohd Ismail berkata penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum akan dapat menerapkan elemen penting dalam aspek kepimpinan, komunikasi, penampilan diri serta disiplin dalam diri pelajar, yang membantu melahirkan siswazah yang memenuhi tuntutan pasaran kerja masa kini.

Mengenai pertandingan Poly's Voice, beliau berkata program yang julung kali diadakan itu bertujuan mencungkil bakat mahasiswa dalam bidang pengacaraan, sekali gus mendidik mereka untuk berani berhadapan dengan masyarakat umum.....

Untuk berita penuh sila langgan **BERNAMA.com Xtra** [Klik di sini]

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi

MALAYSIAeBiz Mingguan
Versi Bahasa Inggeris